

29/05/2000

Syarat terima ahli Keadilan

KUALA LUMPUR, Ahad - Ahli Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang berhasrat kembali ke pangkuan Umno hanya akan diterima jika ahli Umno bersedia menerima mereka, kata Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein.

Katanya, jika ahli Umno tidak bersedia dan ragu untuk menerima ahli Keadilan mungkin parti juga tidak dapat menerima mereka.

"Bagaimanapun, ia bergantung kepada keputusan pucuk pimpinan tertinggi parti, saya tidak ada kuasa untuk menentukannya," katanya diminta mengulas kesediaan Umno menerima ahli Keadilan yang kecewa dengan perjuangan parti itu.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kebanyakan golongan muda yang menyokong Keadilan mulai kecewa dengan perjuangan sebenar parti itu.

Perdana Menteri berkata, mereka sedar perjuangan parti itu bukan lagi untuk mengadakan reformasi tetapi memperjuangkan hanya nasib satu orang.

Hishammuddin berkata, ahli Keadilan yang ingin kembali hanya akan diberi tempat selepas mereka dinilai.

Beliau berkata, penilaian itu penting bagi memastikan mereka tidak menjadikan Umno tempat untuk memperjuangkan kepentingan individu.

Katanya, parti tidak mahu menerima ahli Keadilan yang kecewa kerana mereka tidak dapat mencapai hasrat individunya ketika menyertai parti berkenaan.

Beliau berkata, Umno hanya menerima mereka yang ingin kembali kepada Umno adalah orang yang benar-benar kecewa dengan perjuangan Keadilan.

"Kita perlu selidik kenapa mereka kecewa dengan Keadilan. Kita perlu tahu apa yang mereka kecewakan dan apa sumbangan mereka pada perjuangan parti supaya kita tahu mereka ikhlas ketika menyertai semula Umno," katanya.

Hishammuddin berkata, parti bersedia menerima mana-mana ahli Keadilan yang ikhlas serta bersedia berjuang untuk Umno dan ahlinya.

Katanya, mereka yang berhasrat kembali kepada Umno tetapi mempunyai niat untuk kepentingan diri sendiri, akan ditolak.

Terdahulu, Hishammuddin berkata, barisan kepimpinan pemuda yang baru perlu berjuang untuk merapatkan barisan parti.

"Usaha merapatkan kembali parti penting kerana sebelum ini ada pihak menggugat keutuhan parti dengan melemparkan pelbagai tuduhan termasuk wujudnya perpecahan dalam parti.

"Inilah masa yang sesuai untuk kita buktikan bahawa, Pemuda tidak berpecah belah dan mampu membantu memperkukuhkan parti untuk kepentingan generasi akan datang," katanya selepas ketika berucap di Majlis Pelancaran Karnival Sukan Parlimen Cheras di sini, hari ini.

Hadir sama, Naib Ketua Pemuda, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir; Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno, Zulkifli Alwi; Ketua Umno Bahagian Cheras, Syed Ali Al-Habshee dan Ketua Pemuda Wilayah Persekutuan, Ahmad Fauzi Zahari.

(END)